



## JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

### SIARAN MEDIA

#### **PELUANG PEKERJAAN ORANG KURANG UPAYA (OKU) DI SEKTOR AWAM**

---

Merujuk kepada kenyataan yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Mahfudz Omar berhubung peluang pekerjaan kuota satu (1) peratus Orang Kurang Upaya (OKU) di sektor awam perlu diisi. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) ingin menjelaskan bahawa Dasar satu (1) peratus peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam kepada OKU menetapkan bahawa setiap agensi hendaklah memastikan pengambilan OKU dibuat sekurang-kurangnya satu (1) peratus daripada jumlah pegawai dalam agensi tersebut. Dasar pengisiannya pula, diuruskan oleh Ketua Perkhidmatan masing-masing. **Sehingga kini, seramai hampir 4,000 jawatan telah diisi di pelbagai peringkat di sektor awam oleh calon-calon dari golongan OKU.**

Dasar ini diperluas meliputi pelantikan secara tetap, sementara, kontrak atau apa-apa kaedah pelantikan yang berkuat kuasa. Walau bagaimanapun, pencapaian dasar ini bergantung kepada permohonan yang dikemukakan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan atau melalui pengenalpastian oleh kementerian atau agensi di bawah kementerian.

Pelantikan OKU dibuat berdasarkan kriteria calon bagi memenuhi syarat lantikan yang ditetapkan dalam suatu skim perkhidmatan, kesesuaian calon dengan bidang tugas jawatan serta kemudahan yang disediakan oleh agensi yang berkenaan.

Hebahan peluang kerjaya ini juga turut dibuat kepada individu-individu OKU melalui pihak-pihak berkepentingan seperti persatuan-persatuan

dan badan bukan Kerajaan yang mengendalikan kebijakan golongan OKU khususnya kepada calon-calon yang berminat dan berkelayakan bagi mendapat peluang yang sewajarnya untuk memohon jawatan dalam sektor perkhidmatan awam.

Kerajaan sentiasa komited dalam memperkasakan golongan OKU dalam pekerjaan selaras dengan Pelan Tindakan OKU 2016-2022 untuk meningkatkan penyertaan OKU dalam pasaran pekerjaan terbuka dan menyumbang kepada pembangunan negara. Namun begitu, Kerajaan juga yakin bahawa terdapat ruang dan peluang (*opportunities*) untuk **mewujudkan bentuk pekerjaan baharu** yang lebih luas yang boleh dicadang dan didukung secara bersama antara sektor awam dan swasta.

#####

### **Jabatan Perkhidmatan Awam**

Tarikh : 14 Februari 2019  
Tel : 03 – 8885 3096/ 019 355 1154  
Emel : [komunikasi@jpa.gov.my](mailto:komunikasi@jpa.gov.my)  
No. Ruj. : JPA.100-9/1/2 ( 21 )